



**HALIMAH** menyampaikan sijil penghargaan pada majlis perasmian program *Safe Kids at Home* di Universiti Putra Malaysia.

## Program beri kesedaran berkaitan kebakaran

**Serdang:** Sebanyak sembilan sekolah rendah sekitar Kuala Lumpur dipilih sebagai perintis program *Safe Kids at Home* Universiti Putra Malaysia (UPM) dalam usaha memupuk kesedaran mengenai kebakaran dengan lebih berkesan.

Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Halimah Mohamed Sadique berkata, program terbabit kali pertama dilaksanakan di negara ini secara terperinci termasuk kajian dilakukan pihak kerajaan, swasta dan juga institusi pendidikan.

"Saya difahamkan, program ini akan mula diajar di sembilan sekolah perintis April ini secara berperingkat sehingga akhirnya dapat memberi manfaat kepada 6,000 murid sekolah rendah.

"Kandungan buku program ini juga sudah melalui banyak proses kajian daripada pihak *Safe Kids Malaysia* UPM menggunakan teknik penyampaian yang

lebih interaktif sesuai dengan sasarannya untuk menarik minat kumpulan murid sekolah rendah berusia lapan hingga 12 tahun," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas merasmikan program *Safe Kids at Home* di UPM di sini, semalam.

Hadir sama, Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM), Datuk Wan Mohd Noor Ibrahim, Pengarah Eksekutif *Safe Kids Malaysia* UPM, Prof Madya Dr Kulanthayan KC Mani dan Presiden Honeywell ASEAN, Briand Greer selaku syarikat penaja kepada keseluruhan program.

Mengulas lanjut Halimah berkata, program berkenaan wajar diperluaskan kepada lebih banyak sekolah terutama selepas melihat kajian *Safe Kids Malaysia* UPM yang mendapati sekurang-kurangnya seorang kanak-kanak maut atau cedera akibat kebakaran di negara ini setiap dua minggu.